



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEKTOR PERUNCITAN

1. **Apakah semua premis/kemudahan di pusat membeli belah dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPB?**

Tidak. Sila rujuk kepada senarai aktiviti yang dilarang semasa PKPB yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

2. **Adakah terdapat surat kelulusan/kebenaran beroperasi yang diperlukan untuk sektor peruncitan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPB?**

Tiada.

3. **Apakah senarai aktiviti-aktiviti yang dilarang (*negative list*) bagi Sektor Peruncitan?**

Aktiviti-aktiviti yang dilarang (*negative list*) bagi Sektor Peruncitan adalah seperti berikut:

- i. Karnival Jualan;
- ii. Fitting Pakaian di kedai pakaian dan aksesori fesyen;
- iii. Melipat baju di premis dobi layan diri; dan
- iv. Kedai gunting rambut dan salun kecantikan.

4. **Bolehkah premis / syarikat yang tersenarai sebagai aktiviti yang tidak dibenarkan membuat rayuan untuk beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPB?**

Tiada sebarang rayuan dibenarkan.

5. **Adakah premis perniagaan yang dibenarkan semasa PKPB ini masih tertakluk dengan undang-undang atau peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk beroperasi?**

Ya. Semua premis perniagaan adalah tertakluk kepada sebarang peraturan di bawah PBT seperti di dalam Arahan Tetap Prosedur Operasi Standard (SOP) Pembukaan Semula Ekonomi.

6. **Bolehkah pelanggan enggan memberikan maklumat peribadi seperti nama dan nombor telefon kepada pemilik premis?**

Boleh, tetapi pemilik premis mempunyai hak untuk menghalang pelanggan daripada memasuki premis sekiranya pelanggan tidak memberikan maklumat tersebut.

7. **Adakah dobi layan diri boleh dibuka dan beroperasi?**

Semua perkhidmatan dobi termasuk dobi layan diri boleh menjalankan operasi seperti biasa tertakluk kepada aktiviti yang dilarang di bawah SOP Pembukaan Semula Ekonomi iaitu melipat baju di premis dobi layan diri.

8. **Adakah perniagaan *français* berbentuk perkembangan minda kanak-kanak boleh beroperasi memandangkan perniagaan ini bukan dalam kategori taska/tadika?**

Tidak. Perniagaan ini adalah di bawah aktiviti yang dilarang iaitu latihan secara bersemuka.

9. **Adakah perkhidmatan selepas jualan (*after sales service*) seperti penyelenggaraan mesin penapis air dibenarkan sepanjang tempoh PKPB?**

Dibenarkan.

10. **Adakah pusat salun dan kecantikan boleh dibuka dan beroperasi?**

Tidak. Pusat salun dan kecantikan serta kedai gunting adalah merupakan aktiviti yang dilarang dan tidak dibenarkan beroperasi.

11. **Adakah pemilik restoran boleh melarang pelanggan daripada makan (*dine-in*) di restoran?**

Boleh, terpulang kepada pemilik premis untuk menentukan kaedah terbaik untuk perkhidmatan restoran masing-masing sama ada melalui *dine-in*, *take away* atau *delivery* (penghantaran).

12. **Adakah pemilik restoran boleh menawarkan perkhidmatan *buffet*?**

Perkhidmatan *buffet* bagi restoran adalah tidak dibenarkan disebabkan ianya akan lebih terdedah kepada kemungkinan pendedahan kepada *droplets* dan pencemaran makanan.

13. **Adakah peruncit boleh mengadakan jualan murah dan jualan gudang sepanjang tempoh PKP?**

Semua peruncit boleh mengadakan jualan murah di premis masing-masing tanpa melibatkan pembinaan *booth* tambahan di dalam premis. Jualan gudang juga dibenarkan tetapi perlu mematuhi SOP yang ditetapkan. Sebarang bentuk Karnival Jualan adalah dilarang.

14. **Adakah pasaraya boleh beroperasi 24 jam?**

Tidak. Waktu operasi adalah tertakluk kepada SOP Pembukaan Semula Ekonomi yang telah ditetapkan dan peraturan semasa Pihak Berkuasa Tempatan.

15. **Adakah penghantaran barangan/perkhidmatan di bawah e-Dagang boleh dilaksanakan di semua kawasan?**

Penghantaran barangan/perkhidmatan e-Dagang boleh dilaksanakan di semua lokasi kecuali lokasi yang diisytiharkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

16. **Bolehkah penghantaran (*delivery*) dan penurunan (*unloading*) minyak oleh pembekal minyak dilakukan di stesen minyak selepas waktu operasi stesen yang dibenarkan oleh PBT?**

Boleh, dengan syarat pengusaha stesen memastikan langkah-langkah kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan dipatuhi.

17. **Bolehkah waktu operasi stesen minyak yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diseragamkan untuk memastikan tempoh operasi stesen sesuai dengan tempoh operasi perniagaan lain yang dibenarkan?**

Waktu operasi stesen minyak adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

18. **Adakah perkhidmatan cuci kereta dan restoran makanan segera di dalam kawasan stesen minyak dibenarkan beroperasi seperti biasa?**

Boleh, dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan Covid-19 yang berkaitan seperti penjarakan sosial dan pengehadan jumlah pelanggan dalam

premis pada satu-satu masa.

19. **Adakah pergerakan pekerja bagi stesen minyak masih memerlukan surat kebenaran?**

Tidak. Walaubagaimana pun, surat kebenaran boleh dikeluarkan oleh pihak majikan bagi membuktikan pekerja merupakan kakitangan di stesen minyak berkenaan.

20. **Adakah transaksi melalui *pigeon hole* di kedai serbaneka stesen minyak masih dibenarkan?**

Transaksi melalui *pigeon hole* masih dibenarkan dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan Covid-19 seperti yang ditetapkan.

Catatan: Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA
3 MEI 2020**